

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : DASAR PENGASUHAN ANAK-ANAK GENERASI MASA DEPAN
NEGERI SELANGOR**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Dasar KNS dalam menggalakkan kewujudan khidmat pengasuhan anak-anak di rumah selain yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat di bawah pengendalian JKM?
- b) Apakah impak kepada khidmat pengasuhan atau program-program yang dijalankan setelah Dasar ini di laksanakan?
- c) Nyatakan program-program yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Bagi soalan (a), (b) dan (c) akan dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak sama ada di rumah atau di institusi didaftarkan secara sah dan mengikut setiap undang-undang dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak yang terlibat. Tiada dasar khas yang diwujudkan untuk menggalakkan kewujudan khidmat pengasuhan anak-anak. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebuah kursus, iaitu Kursus Insentif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK) yang bertujuan untuk memberikan pendedahan awal dan ilmu pengetahuan kepada pengasuh kanak-kanak tentang teknik asuhan yang betul di samping dapat melahirkan generasi yang berkualiti dan seimbang. Melalui kursus ini, pengasuh berpeluang mempelajari pengetahuan asas kaedah pengasuhan yang merangkumi aspek keselamatan, pemakanan dan pendidikan untuk digunapakai semasa mengasuh kanak-kanak dipremis mereka seterusnya dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku pada masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENYURAIAN TRAFIK

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan jangka masa panjang dan pendek Kerajaan Negeri untuk penyuraian trafik di Selangor?
- b) Nyatakan statistik jumlah pengguna jalan raya pada waktu puncak dan hujung minggu di Selangor?

JAWAPAN:

a)

- (1) Seperti mana Ahli-ahli YB sedia maklum, selain daripada Kuala Lumpur, Selangor merupakan salah satu Negeri yang mempunyai aliran trafik yang begitu padat. Kedudukan Negeri Selangor sebagai Negeri yang mempunyai kadar pertumbuhan perindustrian yang tinggi di samping dengan jumlah kependudukan yang begitu tinggi merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kesesakan trafik terutamanya ketika waktu puncak.
- (2) Kerajaan Negeri Selangor telah melihat perkara tersebut dengan lebih awal dan telah mengambil langkah dengan merangka sistem pengangkutan awam yang teratur dan menyeluruh di Negeri Selangor dengan penetapan sasaran untuk mencapai nisbah 60 : 40 penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian menjelang tahun 2035.
- (3) Untuk mencapai matlamat itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan infrastruktur-infrastruktur pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT), Komuter, Bus Rapid Transit (BRT), High Speed Rail (HSR) dan projek-projek lebuhraya. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah menghadkan kelulusan bagi pembinaan lebuhraya di Negeri Selangor bertujuan untuk memfokuskan kepada sistem pengangkutan rel yang lebih efisien dalam mengurangkan jumlah kenderaan berbanding pembinaan lebuhraya yang hanya mampu bertahan untuk tempoh beberapa tahun sebelum mengundang lebih banyak aliran trafik dan membebankan rakyat dengan kadar tol yang dikenakan.

Apa yang berlaku dalam situasi semasa di lebuhraya adalah, anda bayar tol namun anda terperangkap dalam kesesakan trafik di tengah-tengah lebuhraya. Perkara ini yang telah dilihat dan diteliti oleh Kerajaan Negeri sebelum memutuskan untuk menghadkan pembinaan lebuhraya di Selangor.

- (4) Justeru itu, perancangan menyeluruh pembangunan infrastruktur yang digariskan oleh Kerajaan Negeri melalui penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) adalah bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) merupakan dokumen yang komprehensif dan lengkap untuk dijadikan panduan dan hujahan ke atas pendirian Kerajaan Negeri Selangor, yang telah disediakan dengan mengambil kira pelan-pelan induk pengangkutan yang dikeluarkan oleh agensi persekutuan seperti Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk memberi lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor. Sebanyak 12 penumpuan kepada cadangan pembinaan sistem pengangkutan berasaskan landasan kekal (fix track) telah diperkenalkan dalam PIPANS.
- (5) Selain itu juga, usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam aspek penyuraian trafik di Negeri Selangor adalah dengan memastikan sistem pengangkutan awam dilengkapi dengan penyediaan pengangkutan alternatif seperti kemudahan perkhidmatan bas dan laluan basikal. Penyediaan pengangkutan awam secara percuma melalui perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula di kawasan bandar yang kemudiannya telah diperluaskan ke kawasan luar bandar bukan sahaja menawarkan laluan perjalanan kepada pengguna, sebaliknya merupakan satu sistem menyeluruh yang menawarkan rangkaian kepada sistem pengangkutan darat di Negeri Selangor. Perkhidmatan Bas Smart Selangor telah beroperasi berkonsepkan first mile last mile dengan menghubungkan laluan perkhidmatan kepada stesen-stesen komuter, LRT, KLIA Transit dan sebagainya di Negeri Selangor. Perkhidmatan yang telah dilaksanakan bermula 1 Julai 2015 terus diyakini memberikan impak positif kepada rakyat Selangor berkaitan sistem perkhidmatan awam yang lebih dominan dan selesa. Pelaksanaannya telah membuahkan hasil dengan lebih 8 juta penumpang menggunakan perkhidmatan tersebut di seluruh negeri sehingga bulan Jun 2017 sejak ianya dilancarkan.
- (6) Penyediaan laluan basikal di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan konsep first mile last mile juga telah pun dilaksanakan pada tahun ini. Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor telah menetapkan sasaran 1,000 kilometer laluan basikal bagi tempoh lima (5) tahun dengan mensyaratkan supaya PBT dapat menyediakan laluan basikal sekurang-kurangnya 15 kilometer bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran manakala 10 kilometer bagi Majlis Daerah dengan menggunakan peruntukan PBT sendiri.

Penyediaan laluan basikal penghubung ini juga merupakan salah satu tumpuan Kerajaan Negeri untuk memupuk budaya berbasikal dan penggunaan pengangkutan awam yang seterusnya akan membantu mengurangkan jumlah trafik di jalan raya.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab untuk menyediakan statistik jumlah pengguna jalan raya adalah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh itu, Yang Berhormat boleh merujuk kepada jabatan tersebut bagi mendapatkan statistik berkenaan untuk rujukan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang sekarang?
- b) Adakah sebab kekosongan jawatan pengurus besar Yayasan Selangor berpanjangan dan adakah jawatan itu telah diisi?

JAWAPAN:

- a) Peratus penyewaan sehingga kini adalah 6.3% dengan keluasan yang disewakan seluas 6,717 kaki persegi melibatkan keseluruhan tingkat bawah. Sewaan jangka pendek secara kontrak bulanan ini memberikan jumlah pendapatan bulanan RM 73,810.99. Sewaan ruang iklan bangunan sebanyak RM 71,726.00 sebulan. dan tempat letak kereta sebanyak RM17,490.00 sebulan

Cadangan pembangunan dan naik taraf dari bangunan pejabat kepada kegunaan komersial dan perhotelan telah dibuat oleh pihak pengurusan Yayasan Selangor dan keputusan pelaksanaan program pembangunan tersebut masih belum diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

Yayasan Selangor menjalankan proses RFP bagi melaksanakan projek pembangunan semula bagi jangka panjang. Pihak pengurusan menjangkakan akan menganugerahkan projek ini kepada pemaju yang berjaya selewat-selewatnya pada akhir tahun ini.

- b) Kuasa melantik Pengurus Besar adalah kuasa mutlak Pengerusi Yayasan Selangor. Sehingga tarikh laporan ini disediakan, jawatan Pengurus Besar Yayasan Selangor masih belum diisi, tetapi ianya telah ditanggung tugas oleh Pengurus Kanan Yayasan Selangor sedia ada.

Pihak Pengerusi masih meneliti dan mempertimbangkan calon-calon yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KAMPUNG MELAYU TRADISI

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka/membesarkan kawasan perkampungan tradisi Melayu?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada mempunyai cadangan untuk membuka/membesarkan kawasan perkampungan tradisi Melayu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN bertarikh 16 November 2016 yang telah disahkan oleh MMKN ke 38/2016 pada 23 November 2016 telah mengiktiraf tiga (3) buah kampung yang baru sebagai Kampung Tradisi iaitu Kampung Lombong Daerah Klang, Kampung Wira Damai Mukim Batu Daerah Gombak dan Kampung Paya Tanjung Mukim Beranang Daerah Hulu Langat yang menjadikan jumlah kampung tradisi secara keseluruhan 371 buah.

Kampung-kampung ini diiktiraf berdasarkan kriteria-kriteria kampung yang merujuk kepada Buku Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor Darul Ehsan (September, 2001), di mana definisi kampung adalah kampung-kampung yang mempunyai salah satu atau kombinasi dari kriteria seperti berikut:

1. Kawasan yang aktiviti nya 60% pertanian;
2. Jumlah penduduk yang kurang daripada 10, 000 orang;
3. Kurang kemudahan infrastruktur;
4. Terletak di luar kawasan Majlis Daerah/Kerajaan Tempatan;
5. Termasuk lingkungan kawasan kampung tradisi; dan
6. Mengamalkan budaya desa dalam urusan harian di sesuatu kampung.

Pengiktirafan ini juga mengambil kira kemudahan sosial dan awam sedia ada di kampung-kampung tersebut seperti surau, balai raya, tanah perkuburan, kedai runcit dan kedai makan.

Pengiktirafan ini dijangka dapat memberi impak positif dan besar terhadap kesejahteraan dan pembangunan sosio ekonomi kampung-kampung tersebut. Ini secara tidak langsung membantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam melahirkan komuniti yang lebih berdaya saing dan cemerlang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri terkesan dengan kemerosotan ekonomi negara semasa ?
- b) Berapa banyak jumlah bayaran GST yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja kontrak yang ditawarkan ?

JAWAPAN:

- a) Menurut Bank Negara Malaysia di dalam Laporan Ekonomi 2016, aktiviti ekonomi global diramalkan berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri di beberapa ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, serta jangkaan bahawa aktiviti perdagangan di rantau sedang pesat membangun akan pulih. Prospek ini disokong oleh rancangan pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama tertentu dan pemulihan harga komoditi. Walaupun terdapat tanda-tanda positif, prospek ekonomi global secara keseluruhan belum lagi kukuh memandangkan prospek ini boleh terjejas oleh kejutan buruk.

Menurut Laporan Ekonomi 2016 dari Bank Negara Malaysia juga, ekonomi negara dijangka berkembang antara 4.3% hingga 4.8% pada tahun 2017 berbanding 4.2% pada tahun 2016. Semua sektor dalam ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menerajui pertumbuhan tersebut.

Negeri Selangor sebagai penyumbang utama KDNK negara mempunyai fundamental yang kukuh dalam sektor pembuatan. Walaupun negara mencatatkan penurunan dalam kadar KDNK secara keseluruhan, **namun sektor pembuatan menunjukkan trend peningkatan dan terus menyumbang kepada pertumbuhan negara. Dari sudut tersebut, Kerajaan Negeri optimis bahawa kemerosotan ekonomi negara tidak akan banyak memberi kesan kepada prestasi kewangan negeri.** Ini dibuktikan dengan anggaran perbelanjaan Negeri Selangor yang diperakui bagi tahun 2017 berjumlah RM3.45 billion. Berdasarkan keyakinan kepada pengurusan ekonomi negeri, sebanyak 52.2% daripada anggaran perbelanjaan tersebut diagihkan kepada perbelanjaan pembangunan bagi terus merencanakan sektor-sektor dan projek-projek yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Kedudukan Kewangan Negeri selangor pula masih kukuh iaitu Prestasi Hasil Kerajaan Negeri dari 1 Januari hingga 30 Jun 2017 telah mencapai RM1,476.58 juta iaitu 57.91 % berbanding belanjawan tahun 2017 manakala Prestasi Perbelanjaan pula telah mencapai RM1,400.15 juta iaitu 40.58% berbanding belanjawan tahun 2017. Perincian ditunjukkan di jadual berikut :-

PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEHINGGA 30 JUN 2017

| Perihal | | 2017 | | |
|----------------------------------|-----------|-------------------------|-----------------------|--------------|
| | | Belanjawan (Jan-Dis) | Sebenar (1-30 Jun) | |
| | | RM Juta | RM Juta | % |
| Hasil | A | 2,550.00 | 1,476.58 | 57.91 |
| <i>Perbelanjaan Mengurus</i> | B | <i>1,650.00</i> | <i>839.90</i> | <i>50.90</i> |
| <i>Perbelanjaan Pembangunan</i> | C | <i>1,800.00</i> | <i>560.25</i> | <i>31.13</i> |
| Jumlah Besar Perbelanjaan | D = B + C | 3,450.00 | 1,400.15 | 40.58 |

Kedudukan Rizab negeri yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan adalah dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2015, 31 Disember 2016 dan 30 Jun 2017 masing-masing berjumlah RM3,258.61 juta, RM3,051.20 juta dan RM3,194.19 juta. Perincian adalah ditunjukkan seperti jadual berikut :-

| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN | | | |
|-----------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| | 30.06.2017 | 31.12.2016 | 31.12.2015 |
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Wang Awam | | | |
| Wang Tunai | 208.80 | 50.32 | 234.95 |
| Pelaburan | 2,985.39 | 3,000.88 | 3,023.66 |
| | 3,194.19 | 3,051.20 | 3,258.61 |
| <i>Dipegang Bagi :</i> | | | |
| Kumpulan Wang Disatukan | | | |
| Akaun Hasil Disatukan | 2,087.60 | 1,450.92 | 1,595.58 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 15.74 | 0.00 | 0.00 |
| Akaun Amanah Disatukan | 1,090.85 | 1,600.28 | 1,663.03 |
| | 3,194.19 | 3,051.20 | 3,258.61 |

- b) Berkenaan rekod bayaran Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST), semakan Perbendaharaan Negeri mendapati bayaran yang telah dibuat oleh Jabatan yang diberi peruntukan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi perolehan kerja dan perkhidmatan sepanjang pada tahun 2016 adalah berjumlah RM96,113,516.71. Perincian adalah seperti berikut:-

**BAYARAN GST OLEH JABATAN YANG DIBERI PERUNTUKAN OLEH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR PADA TAHUN 2016**

| Bil. | Kategori Perolehan | Bayaran GST (RM) |
|--------------------------|-----------------------------------------------------------------|----------------------|
| 1. | Perolehan Pelbagai Perkhidmatan Dan Kerja | 84,261,362.40 |
| 2. | Perolehan Kerja (Khusus Bagi Projek MARRIS Kendalian PBT) | 11,852,154.31 |
| Jumlah Besar (RM) | | 96,113,516.71 |

Nota:

Kenaan GST bagi Projek MARRIS kendalian Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah / Tanah (PDT) telah diambil kira dalam **Bil. 1 - Perolehan Pelbagai Perkhidmatan Dan Kerja** berjumlah RM84,261,362.40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SARA HIDUP WARGA EMAS

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah warga emas di negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah warga emas yang mendiami pusat-pusat jagaan orang tua?
- c) Adakah kerajaan bercadang memberi bantuan sara hidup untuk warga emas?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan statistik Jabatan Statistik Malaysia sehingga tahun 2015, jumlah warga emas di Negeri Selangor adalah seramai 465,500 orang.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga Jun 2017, terdapat seramai 1,493 warga emas yang mendiami 70 pusat-pusat jagaan orang tua kendalian NGO dan pihak swasta yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan 3 institusi kebajikan warga emas kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Selangor.

Pecahan statistik adalah seperti berikut:

| Institusi | Jumlah Warga Emas |
|--------------------------------------------------------------|--------------------------|
| Institusi Kebajikan kendalian JKM | 377 |
| Pusat Jagaan Berkediaman warga Emas Kendalian NGO dan Swasta | 1,116 |
| JUMLAH | 1,493 |

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sememangnya telah melaksanakan bantuan sara hidup khusus untuk warga emas melalui skim Bantuan Orang Tua secara bulanan di bawah Skim Bantuan Persekutuan. Kelulusan bantuan ini berdasarkan kepada syarat kelayakan am permohonan bantuan :

1. Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia dan jika Penduduk Tetap (PR) hendaklah bermastautin di Malaysia sebelum tahun 1957;
2. Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia;
3. Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan dengan mengambilkira lain-lain faktor seperti bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabahserta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga.

Walau bagaimanapun, kategori bantuan ini mempunyai syarat kelayakan khusus bagi melayakkan seseorang pemohon bantuan ini. Berikut adalah syarat kelayakan khusus Bantuan Orang Tua :

1. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas;
2. Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup;
3. Tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan.

Berikut adalah jumlah penerima Bantuan Orang Tua mengikut daerah di Selangor :

| Daerah | Jumlah Penerima |
|----------------|------------------------|
| Klang | 1,713 |
| Gombak | 820 |
| Hulu Langat | 1,284 |
| Kuala Langat | 992 |
| Hulu Selangor | 1,827 |
| Sepang | 306 |
| Kuala Selangor | 498 |
| Sabak Bernam | 1,018 |
| Petaling | 1,975 |
| JUMLAH | 10,433 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri melakukan kajian keberkesanan kempen tersebut?
- b) Nyatakan perbelanjaan bagi melaksanakan kempen tersebut?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri selepas ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang menjalankan satu **Kajian Berkaitan Kesedaran Pengguna Dan Penjagaan Alam Sekitar Terhadap Penerimaan Kempen Tanpa Beg Plastik Di Negeri Selangor** bagi tempoh enam (6) bulan pertama pelaksanaan kempen, iaitu mulai **Januari sehingga Jun 2017** yang bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Kajian tersebut dijangka akan selesai sepenuhnya pada bulan Ogos 2017 kelak.
- a) Setakat 30 Jun 2017, kos perbelanjaan bagi Kempen Bebas Plastik adalah berjumlah **RM213,678.30 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tiga Belas Ribu Enam Ratus Tujuh Puluh Lapan Ringgit dan Tiga Puluh Sen Sahaja)** dan butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:

| BIL | BUTIRAN PERBELANJAAN | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| 1. | KEMPEN BEBAS PLASTIK -Media social, penjenamaan, 'messaging', Analisa, Pemantauan Media, Stiker Kereta, Risalah, Isi Kandungan Kempen, Mascot dan bahan-bahan promosi yang berkaitan kempen tersebut. | 139,463.30 |
| 2. | PEMBELIAN POSTER B.MELAYU, B.INGGERIS DAN MANDARIN UNTUK KEMPEN #BEBAS PLASTIK | 15,000.00 |
| 3. | PEMBELIAN BUNTING UNTUK KEMPEN #BEBAS PLASTIK | 39,450.00 |
| 4. | PEMBELIAN NON WOVEN BEG KEMPEN #BEBAS PLASTIK | 19,765.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 213,678.30 |

- b) Kerajaan Negeri dan PBT akan meneruskan usaha untuk mendidik pengguna tentang tujuan kempen ini dilaksanakan dan menggalakkan pengguna untuk membawa beg sendiri sewaktu membeli-belah. Selain itu, peniaga juga akan terus dipantau bagi memastikan mereka mengikut syarat larangan penggunaan beg plastik dan polistirena. Usaha ini akan dilaksanakan dan dipantau secara berterusan agar dapat mencapai tujuan kempen kearah kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

Walaupun pada awalnya kempen ini turut mendapat respon yang negatif, namun setelah enam (6) bulan pelaksanaannya, dapat dilihat pengguna di Negeri Selangor kebanyakannya mempunyai inisiatif untuk membawa beg sendiri ketika membeli-belah. Oleh yang demikian, pendidikan harus diteruskan di semua peringkat umur supaya kesedaran tentang kepentingan untuk menjaga kebersihan dapat dipupuk di kalangan rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SASARAN DIVIDEN ANAK SYARIKAT

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan jumlah dividen yang diberi oleh semua anak syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2014, 2015 dan 2016?
- b) Apakah sasaran dividen yang diarahkan kepada setiap anak syarikat untuk tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 13 Anak Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

| Bil | Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor |
|------------|-----------------------------------------------|
| 1 | Permodalan Negeri Selangor Berhad |
| 2 | Bukit Beruntung Golf & Country Resort |
| 3 | Tourism Selangor Sdn Bhd |
| 4 | Communication Corporation Sdn Bhd |
| 5 | Rantaian Mesra Sdn Bhd |
| 6 | Pendidikan Industri YS Sdn Bhd |
| 7 | Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd |
| 8 | Kumpulan Darul Ehsan Berhad |
| 9 | Kumpulan Semesta Sdn Bhd |
| 10 | Invest Selangor Berhad |
| 11 | Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) |

| Bil | Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor |
|------------|-----------------------------------------------|
| 12 | Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor |
| 13 | Yayasan Selangor |

Butiran jumlah dividen yang diberi oleh semua Anak Syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2014, 2015 dan 2016 serta sasaran dividen yang diarahkan kepada setiap Anak Syarikat untuk tahun 2017 adalah seperti jadual di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

a) Butiran jumlah dividen yang diberi oleh semua Anak Syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2014, 2015 dan 2016

| Bil. | Anak Syarikat | Perincian Dividen | Jumlah Dividen 2014 (RM) | Jumlah Dividen 2015 (RM) | Jumlah Dividen 2016 (RM) | Sasaran Dividen 2017 (RM) |
|-------------|---------------------------------------|--------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------------------|------------------------------------------|
| 1. | Permodalan Negeri Selangor Berhad | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 2. | Bukit Beruntung Golf & Country Resort | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 3. | Tourism Selangor Sdn Bhd | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 4. | Communication Corporation Sdn Bhd | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 5. | Rantaian Mesra Sdn Bhd | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 6. | Pendidikan Industri YS SB | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 7. | Darul Ehsan | Pembayaran kepada | 48,864.00 | 66,079.00 | 81,358.09 | 15,000.00 |

| Bil. | Anak Syarikat | Perincian Dividen | Jumlah Dividen 2014 (RM) | Jumlah Dividen 2015 (RM) | Jumlah Dividen 2016 (RM) | Sasaran Dividen 2017 (RM) |
|-------------|---------------------------------------|---------------------------------------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------------------|-----------------------------------------|------------------------------------------|
| | Facilities Management Sdn Bhd | Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) | | | | |
| 8. | Kumpulan Darul Ehsan Berhad | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 9. | Kumpulan Semesta Sdn Bhd | Pembayaran kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) | 10,700,000.00 | 7,200,000.00 | N/A | N/A |
| 10. | Invest Selangor | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 11. | Yayasan Selangor | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 12. | Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |
| 13. | Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A |

b) Sasaran dividen yang diarahkan kepada setiap Anak Syarikat untuk tahun 2017

Kerajaan Negeri tidak menyasarkan sebarang pembayaran dividen oleh Anak Syarikat kerana pembayaran dividen adalah bergantung kepada prestasi dan keuntungan yang diperolehi oleh Anak Syarikat masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sembilan (7) daripada 13 syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang tidak bermotifkan keuntungan seperti senarai berikut :-

| Bil. | Anak Syarikat |
|-------------|-------------------------------------------|
| 1. | Tourism Selangor Sdn Bhd |
| 2. | Communication Corporation Sdn Bhd |
| 3. | Rangkaian Mesra Sdn Bhd |
| 4. | Pendidikan Industri YS SB |
| 5. | Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd |
| 6. | Invest Selangor |
| 7. | Yayasan Selangor |
| 8. | Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) |
| 9. | Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor |

Secara kesimpulannya, penubuhan Anak Syarikat oleh Kerajaan Negeri tidak semestinya dapat memberikan pulangan dalam bentuk keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Justeru, jangkaan pembayaran dividen hanyalah terhad kepada Anak-Anak Syarikat yang bermotifkan keuntungan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PERANCANGAN KONTIGENSI PENGURUSAN SAMPAH DI MUSIM PERAYAAN

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pelan khusus musim perayaan bagi kutipan sampah domestik dari segi kekerapan kutipan di semua PBT.
- b) Nyatakan sekali pelan khusus untuk sampah pukal pra perayaan.

JAWAPAN:

a) dan b) adalah bersekali.

Kekerapan kutipan sampah domestik dan sampah pukal semasa musim perayaan adalah sama seperti jadual dan kekerapan kutipan sampah pada hari biasa sepertimana yang terkandung di dalam dokumen kontrak di antara PBT dengan pihak kontraktor pemungutan sampah yang telah dilantik.

Namun demikian, bagi kawasan *hotspot* PBT akan mengarahkan kontraktor membuat jadual kutipan sampah dengan lebih kerap pada hari musim-musim perayaan terutamanya pada hujung minggu, iaitu hari Sabtu dan Ahad.

Selain itu, bagi memastikan kutipan sampah sentiasa dilaksanakan dengan teratur pada musim perayaan, PBT Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Mengingatkan kontraktor kutipan sampah masing-masing supaya bersedia dengan peningkatan sampah di musim perayaan dan bersedia dengan lori *back-up* dengan kadar segera sekiranya lori sedia ada tidak dapat menampung jumlah sampah yang banyak semasa tempoh kutipan;
- ii) Meningkatkan pemantauan di lapangan dan mewujudkan kakitangan khas yang bertugas semasa musim perayaan; dan
- iii) PBT membuka bilik gerakan atau unit tindakan khas bagi menangani aduan sampah.

Pada masa yang sama, setiap PBT juga mempunyai pendekatan tersendiri bagi memastikan kutipan sampah diuruskan dengan baik pada musim perayaan seperti berikut:

- i) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan 142 tong / lokasi tong sampah "RORO" seberat 3 tan untuk kegunaan penduduk membuang sampah pukal secara berperingkat;
- ii) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengarahkan kontraktor membuat kutipan sampah pukal dan sampah domestik yang lebih kerap. Contohnya, kutipan sampah domestik sewaktu hujung minggu Sabtu dan Ahad supaya tiada lebihan sampah pada hari berikutnya sehingga hari perayaan. Manakala sampah pukal dikutip sebanyak tiga (3) kali seminggu di kawasan-kawasan yang dikenali sebagai *hotspot*;
- iii) Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyediakan Unit Sokongan '*Inhouse*' bagi mengatasi jumlah sampah yang meningkat pada musim perayaan. Bagi sampah pukal, MPK menyediakan perkhidmatan tong "RORO" berdasarkan permohonan daripada Persatuan Penduduk;
- iv) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) menggerakkan unit '*inhouse*' bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah longgok di tepi jalan dan menambah kekerapan kutipan sampah pukal dan kebun daripada dua (2) kali sebulan kepada empat (4) kali sebulan;
- v) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menambah tong "RORO" di pasar awam dan di kawasan perumahan penduduk untuk kegunaan penduduk membuang sampah pukal;
- vi) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah melaksanakan program '*smart clean*' dengan meletakkan tong RORO di lokasi yang telah ditetapkan; dan
- vii) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) meggerakkan unit *Inhouse* bagi menyelesaikan kutipan sampah khususnya sampah-sampah pukal pada musim pra-perayaan dan menyediakan perkhidmatan sewaan "RORO" kepada orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : DASAR PENCEGAHAN GANGGUAN SEKSUAL SELANGOR

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme pencegahan gangguan seksual sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapa laporan kes yang diterima tentang gangguan seksual di tempat kerja dan awam di Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan Dasar Pencegahan Gangguan Seksual untuk Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor memandang serius terhadap gangguan seksual yang berlaku di bawah Pentadbiran Negeri Selangor. Mekanisme yang diguna pakai bagi mencegah isu gangguan seksual ini adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 : Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam telah menerangkan secara jelas mekanisme dan program yang boleh dilaksanakan bagi mencegah gangguan seksual.
- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Unit Integriti pada 1 Julai 2014. Terkini hanya terdapat satu aduan telah diterima yang membabitkan gangguan seksual yang membabitkan penjawat awam. Bagi kes gangguan seksual yang melibatkan orang awam, segala aduan adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- c) Buat masa ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hanya mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 sebagai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam. Matlamat utama garis panduan ini adalah bersifat untuk mendidik, memberi kefahaman perkhidmatan kaunseling dan sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan serta salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual. Garis Panduan ini mengandungi huraian lanjut berhubung kategori dan jenis perlakuan gangguan seksual, kesan-kesannya, tindakan untuk mengendalikan gangguan seksual di tempat kerja dan langkah-langkah pencegahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : BANTUAN KHAS GOLONGAN WANITA

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan wanita/ ibu tunggal/ usahawan wanita di Selangor?
- b) Nyatakan secara terperinci jumlah wanita yang telah dibantu dari 2014 sehingga 2016 mengikut kaum?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemohon rumah Selangorku mengikut jenis
- b) Nyatakan jumlah unit Rumah Selangorku yang telah siap tapi belum ada pembeli
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemaju swasta yang tarikh sasaran siap projek Rumah Selangorku pada tahun 2018 tetapi belum membina lagi?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, sehingga 15 Julai 2017 jumlah pendaftaran permohonan pemohon Rumah Selangorku mengikut jenis di bawah Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku adalah seperti berikut ;

| DAERAH | JUMLAH PENDAFTARAN PERMOHONAN | | | |
|--------------------|-------------------------------|--------------|---------------|---------------|
| | A | B | C | D |
| PETALING | 30,908 | 3,379 | 10,409 | 6,768 |
| KLANG | 19,234 | 350 | 3,997 | 5,619 |
| HULU LANGAT | 7,687 | 805 | 1,413 | 818 |
| GOMBAK | 9,976 | 506 | 4,137 | 2,789 |
| SEPANG | 3,743 | 3,043 | 3,122 | 682 |
| HULU SELANGOR | 3,307 | 183 | 134 | 486 |
| KUALA SELANGOR | 7,695 | 75 | 2,306 | 1,730 |
| KUALA LANGAT | 7,252 | 1,285 | 700 | 254 |
| SABAK BERNAM | 778 | 33 | 63 | 46 |
| JUMLAH | 90,580 | 9,659 | 26,281 | 19,192 |
| KESELURUHAN | 145,712 | | | |

- b) Setakat ini, tiada projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina namun tiada pembeli untuk ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS.
- c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa memantau pelaksanaan projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Satu jawatankuasa khusus bagi tujuan

pemantauan pelaksanaan projek Rumah Selangorku telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku. Selain dari tujuan pemantauan pelaksanaan projek Rumah Selangorku di tapak, ia juga bertanggungjawab mengenal pasti pemaju-pemaju yang masih belum membina projek Rumah Selangorku mereka. Pemaju-pemaju tersebut akan diminta mengemukakan surat tunjuk sebab sekiranya mereka masih belum membina projek Rumah Selangorku kepada pihak LPHS. Sekiranya didapati pemaju melengahkan tanpa sebab yang kukuh, Jawatankuasa akan mengesyorkan kepada MMKN tindakan "*Stop Work Order*" diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas pembangunan mereka yang lain dan syarikat mereka akan turut disenarai hitamkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JABATAN KERJA RAYA BAGI JALAN FT 54 KUALA SELANGOR DARI
CALTEX SEHINGGA MASJID AL HUDA**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah JKR Petaling dapat mewujudkan pembahagi jalan bagi mengelakkan kemalangan akibat kenderaan yang keluar dari Jalan Baie dan yang sering membuat U Turn ?
- b) Bilakah simpang Rahidin dapat dijadikan sebagai simpang empat bagi tujuan pengguna ke Masjid Al Huda ?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan pembahagi jalan tersebut akan dilaksanakan bersama dengan pakej menaiktaraf persimpangan empat Jalan Rahidin / Jalan Kuala Selangor
- b) JKR Daerah Petaling telah menyediakan reka bentuk dan anggaran kos, walau bagaimanapun terdapat kekangan pelaksanaan yang melibatkan setinggan di kawasan persimpangan. Sehingga kini pengguna masjid masih boleh menggunakan jalan masuk sedia ada ke Masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : MASJID JAMEK PEKAN KAJANG

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan apakah masalah yang dihadapi sehingga menyebabkan kerja-kerja membaik pulih Masjid Jamek Pekan Kajang tersasar dari tarikh yang ditetapkan?
- b) Berapakah kos yang diperuntukkan untuk pembaikan Masjid?

JAWAPAN:

- a) Kontraktor yang dilantik tidak berkeupayaan menyiapkan kerja mengikut tarikh yang ditetapkan berikutan kontraktor mengalami masalah kewangan. Perincian projek adalah seperti di Lampiran.
- b) RM 4,475,320.00

Maklumat Asas Kerja Membaikpulih Masjid Jamek Pekan Kajang

Tajuk Kontrak : Cadangan Membaikpulih Masjid Jamek Pekan Kajang
Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan

Pejabat Penyelia : JKR Daerah Hulu Langat

Pejabat Penyelaras : JKR Negeri Selangor

Pelanggan : Jabatan Agama Islam Selangor

Kaedah Pengawasan : Kontrak Konvensional

Nama Kontraktor : Ashraf Venture Development Sdn Bhd

Taraf : Bumiputera Kelas G5

Alamat : No 8-3(B) Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota
Damansara, 47810 Petaling Jaya

Kos Kontrak : RM4,475,320.00

Kos Kontrak + GST : RM4,475,320.00
6%

Tarikh Masuk Tapak : 11hb November 2015

Tarikh Kerja Siap : 3hb Januari 2017
(Asal)

Tempoh Kontrak : 60 Minggu

Tempoh Liabiliti : 12 Bulan

Kecacatan

Tarikh Siap Semasa : 10hb Mac 2017

L.A.D : RM800.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : KARNIVAL SIHAT SELANGOR (KSS)

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah KSS sehingga kini?
- b) Nyatakan jumlah penyertaan dalam KSS?
- c) Apakah penanda aras kejayaan atau kegagalan pelaksanaan KSS?

JAWAPAN:

- a) Program Karnival Sihat Selangor (KSS) telah dijalankan sejak tahun 2014 oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Program ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri di dalam memberi kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat. Program ini telah dilancarkan pada 15 Februari 2014 oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor di Stadium Kajang.

Objektif utama bagi pelaksanaan Pogram KSS ini adalah untuk memberi kesedaran awam mengenai kepentingan amalan gaya hidup sihat dan cergas dan memupuk amalan bersenam dan beriadah di kalangan masyarakat. Antara pengisian di dalam program KSS adalah seperti berikut :

- I. Aktiviti **Berjalan Kaki 10,000 Langkah**;
- II. Aktiviti **Kayuhan Jantungku**;
- III. Aktiviti **Senamrobik**;
- IV. Program Saringan Sihat Selangor (3S);
- V. Promosi Skim Peduli Sihat (SPS);
- VI. Promosi Bantuan Kesihatan Sihat Selangor;
- VII. Promosi kesihatan oleh JKNS;
- VIII. Pemeriksaan MAMOGRAM oleh MAKNA;
- IX. Promosi pemakanan sihat;
- X. Program kesedaran denggi;
- XI. Program derma darah oleh Pusat Darah Negara / Hospital;
- XII. Jualan produk-produk kesihatan; dan
- XIII. Penglibatan Pusat Berdaya Wanita (PWB).

Sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 38 program KSS telah dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), manakala 10 program KSS lagi akan dilaksanakan pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut:

| PBT | TARIKH |
|------------|---------------|
| MBPJ | 30 Julai 2017 |

| | |
|------|-------------------|
| MPKJ | 12 Ogos 2017 |
| MPAJ | 20 Ogos 2017 |
| MDKL | 27 Ogos 2017 |
| MPSP | 9 September 2017 |
| MDSB | 10 September 2017 |
| MPS | 16 September 2017 |
| MBSA | 30 September 2017 |
| MDHS | 7 Oktober 2017 |
| MDKS | 28 Oktober 2017 |

- b) Program KSS semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat di Negeri Selangor dengan jumlah peserta yang semakin meningkat setiap tahun. Jumlah peserta yang menyertai program KSS di setiap PBT bagi tempoh tiga (3) tahun terkini (2014 – 2016) adalah seperti jadual berikut :

| PBT | JUMLAH PESERTA (ORANG) | | |
|---------------------------|------------------------|---------------|---------------|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| MBSA | 1,000 | 1,400 | 2,500 |
| MBPJ | 1,000 | 1,500 | 1,800 |
| MPK | 550 | 900 | 1,600 |
| MPSJ | 500 | 650 | 1,237 |
| MPAJ | 500 | 500 | 800 |
| MPKJ | 1,200 | 1,400 | 1,800 |
| MPS | 600 | 450 | 350 |
| MPSP | 500 | 1,500 | 2,800 |
| MDKL | 1,000 | 1,500 | 1,800 |
| MDKS | 200 | 782 | 1,300 |
| MDHS | 500 | 600 | 1,000 |
| MDSB | 1,500 | 2,000 | 4,000 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 9,050 | 13,182 | 20,987 |

- c) Pelaksanaan KSS sepanjang tempoh ini menunjukkan sambutan positif masyarakat dengan peningkatan peserta dari tahun ke tahun. Ini membuktikan pelaksanaan KSS ini berjaya mencapai matlamat asal, iaitu memberi kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : LANJUTAN PAJAKAN HAK MILIK SEMENTARA

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah permohonan lanjutan pajakan hak milik sementara yang telah diluluskan dengan bayaran premium satu ribu ringgit mengikut daerah.
- b) Nyatakan tempoh masa yang diperlukan bagi proses permohonan dari peringkat kelulusan sehingga pengeluaran geran baru.

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan lanjutan Hak Milik Sementara yang telah diluluskan dengan bayaran premium satu ribu ringgit adalah sebanyak **6,108** permohonan dengan bayaran premium berjumlah **RM 6,108,000.00**. Butiran mengikut daerah adalah seperti berikut;

| DAERAH | JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN | PREMIUM NOMINAL RM1,000 (RM) |
|----------------|------------------------------------------|-------------------------------------|
| Hulu Selangor | 147 | 147,000 |
| Kuala Langat | 53 | 53,000 |
| Petaling | 726 | 726,000 |
| Hulu Langat | 222 | 222,000 |
| Sepang | 166 | 166,000 |
| Klang | 66 | 66,000 |
| Sabak Bernam | 686 | 686,000 |
| Kuala Selangor | 1,237 | 1,237,000 |
| Gombak | 2,805 | 2,805,000 |
| JUMLAH | 6,108 | 6,108,000 |

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

- b) Tempoh masa yang diperlukan bagi proses permohonan dari peringkat kelulusan sehingga pengeluaran geran baru adalah selama 6 bulan. Walaubagaimanapun, pengeluaran geran baru adalah tertakluk kepada pembayaran premium yang diterima daripada pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : MEMOHON WIFI SELANGOR DI KAWASAN-KAWASAN PINGGIR BANDAR

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah caranya untuk setiap DUN memohon WIFI Selangor di kawasan-kawasan pinggir bandar?

JAWAPAN:

- a) Permohonan untuk pemasangan WIFI Smart Selangor bolehlah dimajukan oleh Pejabat DUN kepada wifismartselangor@mbiselangor.com.my untuk dipertimbangkan permohonan tersebut. Bagi permohonan tersebut, butiran yang diperlukan adalah seperti berikut:
- i. Nama Pemohon
 - ii. Alamat emel dan No. Telefon
 - iii. Alamat Tempat Yang Dicadangkan
 - iv. Jenis Tempat Yang Dicadangkan
 - v. Nama Person In Charge (PIC)
 - vi. Alamat email dan No Telefon PIC
 - vii. Jawatan PIC (bagi tempat yang dicadangkan)

Sekiranya, tempat yang dicadangkan memenuhi kriteria hotspot WiFi Smart Selangor, pihak MBI akan mengeluarkan permintaan kepada pihak pembekal untuk menjalankan lawatan tapak bagi memastikan kawasan tersebut mempunyai liputan perkhidmatan WiFi yang memuaskan dan tempat yang dicadangkan sesuai bagi pemasangan tersebut.

Sekiranya ada kemudahan infrastruktur dan liputan WiFi memuaskan, arahan untuk pemasangan WiFi hotspot akan dikeluarkan kepada pihak pembekal. Pemasangan akan mengambil masa di antara dua minggu hingga sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : ANTARA PENGGANTIAN PAIP AIR DAN AIR PERCUMA

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Paip pecah sering berlaku kerana usia paip yang lama. Berapa panjang paip yang perlu ditukar segera berbanding peruntukan yang ada bagi menggantikan paip tersebut?
- b) Bagaimana jika air percuma diberi kepada yang perlu dan penjaminan tersebut diguna membiayai penukaran paip?

JAWAPAN:

- a) Paip air lama yang pecah sering kali berlaku ke atas paip jenis 'simen asbestos'. Terdapat 6,000km paip simen asbestos di seluruh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Penggantian paip jenis ini akan dilaksanakan secara berperingkat berpandu kepada senarai kritikal. Sehingga kini, peruntukan yang ada hanya untuk program penggantian paip air lama sepanjang 422.5km.
- b) Mengikut rekod, Kerajaan Negeri telah belanja RM172 juta untuk pemberian air percuma pada tahun 2016. Ini bermakna, sekiranya 20% penggunaan air percuma dibayar kepada rakyat yang perlu, 80% atau RM137 juta boleh digunakan untuk membiayai program penggantian paip air lama.

Walau bagaimanapun, sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan, kajian terperinci perlu dilaksanakan berhubung impak perubahan kepada dasar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBINAAN MASJID BARU DI BANDAR SAUJANA PUTRA,
JENJAROM, KUALA LANGAT SELANGOR**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan butir-butir nombor lot tanah, keluasan dan lokasi tapak baru Masjid di Bandar Saujana Putra, Jenjarom, Kuala Langat Selangor ;
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan proses pembinaan Masjid baru tersebut memandangkan surau sedia ada berkeadaan sangat padat?

JAWAPAN:

- a) Lot 67218 dengan keluasan 2.999 ekar (12139m²). No Warta WKN1716 bertarikh 28hb april 2016. no PA21300.
- b) Buat masa ini, Masjid baru di Bandar Saujana Putra, Jenjarom, Kuala Langat tiada didalam senarai RMK-11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KILANG HARAM

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi kilang haram yang masih beroperasi di Selangor.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kilang haram tersebut?
- c) Nyatakan jumlah kerugian Kerajaan Negeri akibat kewujudan kilang haram tersebut.

JAWAPAN:

PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR

KILANG HARAM

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi kilang haram yang masih beroperasi di Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kilang haram tersebut?
- c) Nyatakan jumlah kerugian Kerajaan Negeri akibat kewujudan kilang haram tersebut?
- d) Kewujudan kilang haram dan perniagaan di tapak kediaman (tanah lot) yang sudah lama dibina, bagaimana mengatasinya?
- e) Pemberian kompaun tidak menyelesaikan masalah. Apakah perancangan jangka panjang yang dirancang bagi menyelesaikan masalah tersebut?
- f) Kewujudan berapakah jumlah kilang-kilang haram yang telah diputihkan di Daerah Klang sejak dari tahun 2010 sehingga sekarang?

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR

Isu berkaitan kilang haram ini menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat. Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab pertanyaan mulut daripada Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang), Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas) dan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya) secara bersekali.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor (JTPKHNS) untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan kilang-kilang haram. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan bancian awal terdapat lebih kurang **3,165** buah kilang.

Setelah semakan semula dibuat hanya **2,998** buah kilang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK hanya **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan dan sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Karajaan Negeri mengambil kira premium tambahan yang belum dilangsaikan sebagai satu bentuk kerugian dan setakat ini sebanyak RM65 juta (bayaran premium tambahan) dianggarkan telah tidak dapat dikutip. Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor seperti di **Lampiran A** setakat 31 Disember 2015 sahaja. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor tamat pada 31 Disember 2015.

Mesyuarat JTPKHNS yang diadakan pada 24 Januari 2017 telah bersetuju tindakan penguatkuasaan dilaksanakan melibatkan kilang-kilang di sepanjang sungai dan sekitarnya. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada antaranya di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 serta undang-undang di bawah Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Kilang-kilang dan perniagaan di atas tapak kediaman adalah melanggar syarat nyata tanah. Bagi mengatasi masalah tersebut, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang masing-masing.

LAMPIRAN A

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Permohonan Tukar Syarat | | | | | Premium Tambahan (Rm) | |
|--------|----------------|------|--------|--------|-------------------------|-------|-------|-------|---------------|-----------------------|---------------|
| | | | Lot | Kilang | Bil. Permohonan | Lulus | Tolak | Batal | Belum Memohon | Dibayar | Belum Dibayar |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 817 | 753 | 731 | 6 | 16 | 34 | 72,604,562.34 | 59,477,346.00 |
| | | MBPJ | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 | 20 | 0.00 | 0.00 |
| | | MPSJ | 145 | 252 | 81 | 77 | 4 | 0 | 61 | 16,755,431.00 | 1,131,770.00 |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | 178 | 134 | 7 | 37 | 571 | 29,428,170.10 | 2,380,937.00 |
| | | MPK | 535 | 621 | | | | | | | |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 428 | 170 | 169 | 18 | 4 | 181 | 51,179,214.80 | - |
| | | MPAJ | | | | | | | | | |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | 43 | 28 | 1 | 14 | 94 | 5,528,344.05 | 341,305.00 |
| | | MPS | 137 | 157 | | | | | | | |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | 2 | 1 | 0 | 1 | 55 | 133,256.25 | - |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 197 | 92 | 73 | 15 | 4 | 78 | 8,450,882.00 | 1,982,512.00 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 34 | 149 | 4 | 1 | 0 | 3 | 27 | 303,262.00 | - |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | 11 | 5 | 3 | 3 | 11 | 810,845.00 | - |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | 12 | 4 | 6 | 2 | 22 | 490,009.00 | - |
| Jumlah | | | 2,523 | 2,998 | 1,346 | 1,223 | 60 | 97 | 1,154 | 185,683,976.54 | 65,313,870.00 |